



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

PEKELILING PENDAFTAR

Bilangan 55/2010

Kepada
Semua Ketua Jabatan/Bahagian/Pusat/Unit
Dekan Fakulti
Pengarah Kampus
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Y.Bhg. Datuk/Dato'/Datin/Prof./Tuan/Puan

TAWARAN BIASISWA STAF PENTADBIRAN UiTM TAHUN 2011

Tawaran Biasiswa Staf Pentadbiran UiTM Tahun 2011 adalah terbuka kepada pegawai-pegawai bukan akademik di Universiti Teknologi MARA di Gred 41 dan ke atas bagi mengikuti pengajian di peringkat Doktor Falsafah/Sarjana/Profesional/CPD dalam bidang pengajian berikut:

BIL.	BIDANG PENGAJIAN	GRED JAWATAN	PERINGKAT PENGAJIAN
1.	Pengurusan Sumber Manusia (Leadership: Multigenerational Diversity in the Workplace)	N	Doktor Falsafah
2.	Perkhidmatan Korporat/Perhubungan Awam	N	Sarjana
3.	Psikologi Industri/Kaunseling/Perkhidmatan Kesihatan/ Pengurusan dan Polisi Kesihatan	N	Sarjana
4.	<i>Student Development</i>	N	Sarjana
5.	<i>Hospitality Management</i>	N	Sarjana
6.	Psikologi Klinikal	S	Sarjana
7.	Psikologi Kaunseling	S	Sarjana
8.	<i>Coaching & Training Methodology</i>	S	Sarjana
9.	<i>Health & Fitness</i>	S	Sarjana
10.	Aqidah & Perbandingan Agama	S	Sarjana
11.	Dakwah & Pembangunan Insan	S	Sarjana
12.	<i>Medical Librarianship</i>	S	Sarjana
13.	<i>Preservation Management</i>	S	Sarjana
14.	Pengurusan Pusat Data	F	CPD
15.	Pengurusan Keselamatan ICT	F	CPD

BIL.	BIDANG PENGAJIAN	GRED JAWATAN	PERINGKAT PENGAJIAN
16.	Pengurusan Pangkalan Data	F	CPD
17.	<i>Project Management</i>	J	Profesional
18.	<i>Mechanical Engineering</i>	J	Profesional
19.	<i>Electrical Engineering</i>	J	Profesional
20.	<i>Civil Engineering</i>	J	Profesional
21.	<i>Facilities Management Engineering</i>	J	Profesional
22.	<i>Strategy Management & Planning</i>	E	Sarjana
23.	<i>Applied Statistic/Statistical Modeling</i>	E	Sarjana
24.	<i>Computerised Accounting</i>	W	Sarjana
25.	<i>Forensic Accounting</i>	W	Sarjana
26.	<i>Financial Accounting</i>	W	Sarjana
27.	Kursus Profesional (CIMA)	W	Profesional
28.	<i>Public Health (Sub Specialist)</i>	U	Sarjana/ Profesional
29.	<i>Healthcare Management</i>	C	Sarjana
30.	<i>Medical Records</i>	C	Sarjana
31.	<i>Healthcare Informatics</i>	C	Doktor Falsafah/ Sarjana
32.	<i>Biomedical Informatics</i>	C	Sarjana
33.	<i>Anatomy Pathology</i>	C	Sarjana
34.	<i>Forensic Pathology</i>	C	Sarjana
35.	<i>Medical Sciences</i>	C	Sarjana

*CPD – Continuing Professional Development (Perkembangan Profesional Berterusan)

Pegawai yang diperakukan untuk mengikuti kursus pasca ijazah hendaklah mempunyai pengetahuan, kemahiran, pengalaman, minat dan perwatakan/sikap yang sesuai bagi menentukan kejayaan dalam pengajian dan seterusnya berupaya memberi sumbangan ke arah meningkatkan keberkesanan perkhidmatan dan organisasi. Mereka juga hendaklah mempunyai kelayakan ijazah pertama yang diiktiraf atau kelayakan yang setaraf dengannya.

SYARAT –SYARAT PERMOHONAN

1. Warganegara Malaysia;
2. Berumur tidak melebihi 40 tahun pada tarikh tutup permohonan;
3. Telah disahkan dalam perkhidmatan pada tarikh tutup permohonan;
4. Telah berkhidmat sekurang-kurangnya tiga (3) tahun dalam jawatan hakiki dengan Universiti Teknologi MARA pada tarikh tutup permohonan;
5. Laporan Nilain Prestasi Tahunan (minimum 80%) bagi tempoh tiga (3) tahun berturut-turut;
6. Kursus yang hendak diikuti adalah di peringkat Doktor Falsafah / Sarjana / Profesional / CPD;
7. Bidang pengajian atau kursus yang diikuti adalah seperti yang diiklankan;
8. Memiliki Ijazah Sarjana bagi pengajian peringkat Doktor Falsafah (pencapaian CGPA minimum 3.00) dan Ijazah Sarjana Muda bagi pengajian peringkat Sarjana/Profesional/CPD (pencapaian CGPA minimum 3.00);

9. Tidak menerima sebarang bentuk penajaan daripada mana-mana penaja lain;
10. Bersih daripada pertuduhan tatatertib dan bebas daripada dakwaan Mahkamah; dan;
11. Telah mengisytiharkan harta.

PEMILIHAN

Semua pegawai yang dicalonkan akan melalui sesi temuduga yang akan diuruskan oleh pihak Jabatan Pembangunan Sumber Manusia (JPbSM), Pejabat Pendaftar. Keputusan Jawatankuasa Latihan dan Pembangunan Staf (Induk) Universiti Teknologi MARA adalah muktamad.

TATACARA PERMOHONAN

Calon-calon perlu membuat permohonan secara **atas talian (on-line) melalui portal i-staff e-Biasiswa di laman web rasmi UiTM www.uitm.edu.my**. Satu (1) salinan borang permohonan yang lengkap perlu disertakan bersama dokumen-dokumen berikut:

1. Salinan ijazah pertama lengkap dengan transkrip atau perincian peratusan markah/CGPA atau kelulusan yang setaraf dengannya;
2. Salinan Ijazah Sarjana lengkap dengan transkrip atau perincian peratusan markah/CGPA;
3. Satu salinan kenyataan perkhidmatan yang telah dikemaskini;
4. Satu salinan Kertas Cadangan Penyelidikan;
5. Semua salinan dokumen yang dikemukakan hendaklah disahkan oleh pegawai kerajaan yang terdiri daripada Pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional atau setaraf atau yang lebih tinggi;
6. Permohonan calon-calon hendaklah mendapat pengesahan daripada Ketua Jabatan. Pencalonan tanpa pengesahan Ketua Jabatan secara automatik tidak akan dipertimbangkan permohonannya;
7. Dokumen-dokumen bagi permohonan hendaklah dikemukakan ke Jabatan Pembangunan Sumber Manusia (JPbSM), Pejabat Pendaftar, Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Selangor;
8. Permohonan yang tidak menepati syarat-syarat yang ditetapkan, mengandungi maklumat yang tidak benar dan tidak lengkap **tidak akan dipertimbangkan**;
9. Permohonan yang tidak melalui e-Biasiswa **TIDAK AKAN DIPROSES**.
10. **Tarikh tutup permohonan adalah pada 14.12.2010.**

PERTANYAAN

Semua pertanyaan atau kemusykilan dalam urusan ini hendaklah dirujuk kepada:

Jabatan Pembangunan Sumber Manusia (JPbSM),
Pejabat Pendaftar
Universiti Teknologi MARA
40450 Shah Alam
SELANGOR

- i) Cik Rohanah A Kadir
Timbalan Pendaftar (Biasiswa)
Telefon : 03-55443098


- ii) Puan Aszifadzlina Nor Sabtu
Penolong Pendaftar (Biasiswa)
Telefon : 03-55443106

Faks : 03-55443102

Kerjasama adalah dipohon daripada Y.Bhg. Dato'/Datin/Prof./Tuan/Puan untuk menyebarkan pekeliling ini kepada staf pentadbiran yang berminat.

Sekian, terima kasih.

Yang benar



DR. HAJAH ZAHRAH MOKHTAR
Pendaftar

Bil. Fail : 100-BPD(PTA.6/3)
Tarikh : 24 November 2010